

20 MAR 1999

Habibie-krisis (Fokus Berita)

HABIBIE, SADAP TELEFON DAN KEBEBASAN AKHBAR INDONESIA

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 20 Mac (Bernama) -- Selepas lebih daripada 30 tahun kematiannya, rakyat Indonesia masih memuja presiden pertama mereka Sukarno, dan menganggap beliau sebagai putera yang paling ulung yang pernah muncul di republik itu.

Lain-lain pemimpin berprofil tinggi di rantau ini hanya dibandingkan dengan beliau sebagai "Sukarno Kecil".

Satu-satunya tokoh yang disanjung tinggi oleh akhbar Indonesia setakat ini ialah Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tetapi sekiranya rakyat Indonesia bersedia melihat ke dalam, mereka akan menjumpai "Sukarno Kecil" di kalangan mereka -- dalam bentuk Presiden B.J. Habibie yang berusia 63 tahun. Habibie dan Sukarno mungkin tidak setanding tetapi mereka mempunyai banyak persamaan dan kadang kala perbezaan.

Seperti Sukarno, Habibie juga mempunyai kemahiran berucap dan mempunyai kebolehan luar biasa memberi ucapan yang panjang. Kedua-duanya adalah bekas pelajar institut pengajian tinggi yang sama, Institut Teknologi Bandung.

Sukarno mengambil jurusan kejuruteraan tetapi kemudian bergerak cergas untuk membina kesedaran politik Indonesia ke arah kemerdekaan. Habibie melanjutkan pelajarannya di Jerman dalam bidang pembinaan pesawat dan kemudiannya menjadi seorang saintis aeronautik dunia.

Walaupun Sukarno boleh memukau khalayak dengan retoriknya secara yang menakjubkan, Habibie yang bertubuh kecil itu tidaklah sampai ke tahap itu.

Seperti Sukarno, Habibie memiliki tabiat mengeneipikan teks ucapan beliau yang disediakan ketika berucap pada banyak acara rasmi dan beliau akan bercakap berjam-jam, terutama mengenai subjek yang disukainya.

Sesetengah pihak mensifatkan tabiatnya itu sebagai satu gimik tetapi ramai yang menganggapnya sebagai anugerah intelektual Habibie.

"Saya mahu jadi diri saya sendiri dan saya tidak mahu menjadi seperti robot," katanya pada satu majlis di istana presiden apabila menolak untuk membaca dari teks ucapan yang disediakan oleh pembantunya.

Seperti Sukarno, Habibie juga tercampak dalam kancah kontroversi, krisis dan polemik walaupun sifat-sifat mereka tidak sama.

Apabila beliau diminta menyampaikan ucapan pada Persidangan Editor Asia-Jerman di sini baru-baru ini, beliau boleh membaca keseluruhan teks ucapan dalam bahasa Inggeris hanya dalam masa kurang sedikit satu jam.

Beliau hanya kembali ke tempat duduknya dua jam kemudian selepas menceritakan mengenai waktu-waktu beliau belajar di universiti dan bekerja di Jerman di mana beliau tinggal selama 20 tahun. Bercakap dalam bahasa Inggeris, beliau sekali-sekala mencelah dengan bahasa Jerman yang fasih.

Beliau kemudiannya menyentuh mengenai pelantikannya sebagai presiden republik itu yang ketiga berikutan satu anjakan mengejut sejarah Indonesia yang menyaksi Suharto berundur dengan penuh kekecewaan ketika tunjuk perasaan yang bertukar menjadi rusuhan meminta beliau meletakkan jawatan Mei tahun lepas selepas 32 berada pada tunggak kuasa.

Habibie berkata episod itu memerangkap beliau yang boleh dikatakan tidak bersedia dan melalui ceritanya mengenai detik-detik peristiwa itu menggambarkan bahawa pelantikan beliau ke jawatan presiden itu "bukan datang dengan sudu perak".

Beliau bercakap mengenai drama yang terjadi pada malam 22 Mei, sehari sebelum beliau mengangkat sumpah sebagai presiden, yang menceritakan bahawa terdapat percubaan untuk menghalang beliau melalui kudita yang diketuai

oleh panglima Komando Pasukan Khusus (Kopassus), Lt Jen Probowo Subianto, menantu Suharto.

"Terdapat ramai anggota-anggota pasukan itu di sekeliling rumah saya yang diketuai oleh satu nama yang bukan lagi rahsia -- Probowo," katanya.

Walaupun pengkisahan Habibie itu tidak difahami oleh para editor Jerman, para wartawan tempatan yang hadir nampaknya terserempak dengan sesuatu yang mereka telah nantikan selama ini dan segera beredar untuk menghubungi editor mereka supaya bersedia untuk cerita itu.

Pada hari berikutnya, butir-butir terperinci drama itu memenuhi muka depan hampir kesemua akhbar tempatan, memecahkan mistri mengenai kumpulan anggota tentera yang ramai di sekeliling kediaman rasmi Habibie pada malam itu.

Laporan itu mencetuskan teriakan kontroversi dengan ada yang menyoal mengapa Habibie memilih untuk menceritakannya sekarang sedangkan beliau sepatutnya memberi tumpuan masanya kepada pemulihan ekonomi Indonesia yang sedang terkapai-kepai.

Cerita itu menerima tindak balas yang cepat dari Probowo yang sedang berada di Jordan sejak tahun lepas berikutan beliau diminta bersara.

Melalui surat yang dibacakan oleh sekutu terdekatnya di sini, Probowo berkata kumpulan anggota-anggota Kopassus berada di situ untuk menjalankan operasi yang perlu untuk melindungi aset nasional yang strategik dan bukan untuk tujuan lain.

Belum lagi kontroversi itu lenyap, sebuah majalah mingguan menyiarkan transkrip yang dikatakan perbualan telefon antara Habibie dan Peguam Negara Andi M. Ghalib.

Dalam perbualan itu, Habibie dikatakan memberitahu Ghalib supaya jangan terlalu keras dengan Suharto, berhubung dengan siasatan mengenai penglibatan bekas presiden itu dengan beberapa yayasan amal.

Dengan membuat cadangan itu, Habibie melanggar mandat yang diberikan kepadanya oleh Majlis Perundangan Rakyat yang telah mengeluarkan arahan tahun lepas supaya kerajaan menyiasat Suharto di atas kesalahan-kesalahannya semasa berkuasa.

Ghalib berkata beliau tidak ingat mengadakan perbualan itu, tetapi Habibie sebaliknya mengarah Menteri Pertahanan, Jen Wiranto menyiasat mengenai penyadapan telefon.

Arahan itu nampaknya menyokong bahawa perbualan telefon itu berlaku.

Akhbar-akhbar Indonesia yang baru mendapat merasai kebebasan secara mengejut itu yang disokong sendiri oleh Habibie memberi keutamaan kepada isu itu yang disifatkan sebagai "Skandal Monasgate".

Monas, singkatan kepada Monumen Nasional yang terletak di pusat bandaraya Jakarta, ialah lambang keazaman rakyat Indonesia dalam perjuangan mereka untuk membebaskan negara daripada penjajahan.

Ramai para penganalisis dan wartawan cenderung untuk membuat persamaan antara insiden itu dengan Skandal Watergate pada tahun 1972 yang menjatuhkan Presiden Richard Nixon di Amerika Syarikat.

Dalam kedua-dua peristiwa itu, akhbar memainkan peranan utama menghebahkan drama yang berlaku dalam koridor kuasa dengan rakaman perbualan telefon sebagai bahan.

Kontroversi itu bukan sahaja melingkungi kesahehan transkrip (perbualan telefon) itu tetapi ramai juga yang bertanya siapa yang mencuri dengar perbualan telefon itu dan juga sama ada ia salah dari segi undang-undang.

Penyadapan telefon itu, sekiranya benar, sudah tentu menebuk lubang yang besar pada sistem keselamatan nasional. (Perbualan antara Presiden dan orang bawahannya mengenai perkara rasmi adalah rahsia negara)

Dari segi undang-undang, bukan sahaja salah bagi orang ramai mempunyai akses kepada perkara-perkara rahsia tetapi juga untuk menyiar dan menghebahkannya.

Ini membawa kepada bukan sahaja kepada kebebasan akhbar tanpa batas di Indonesia melalui kerajaan reformasi Habibie tetapi juga ujian kepada para wartawan dalam menghormati etika kerja mereka

Ramai penganalisis berpendapat bahawa pendedahan mengenai perbualan telefon itu oleh akhbar tidak salah dari segi etika kerjaewartawanan sekiranya perkara yang mereka siarkan itu adalah kepentingan negara.

Ketika perdebatan mengenai isu itu terus disiarkan oleh akhbar, Habibie, sudah tentu memikirkan apakah kesalahan beliau.

-- BERNAMA

opp WAT